

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

SWM ENVIRONMENT ATUR STRATEGI OPERASI HADAPI SAMBUTAN AIDILFITRI.

SEREMBAN, 18 MEI 2020 – SWM Environment Sdn Bhd (**SWM Environment**) mengatur strategi operasi bagi menghadapi cuti panjang bagi sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tidak lama lagi.

“Pihak syarikat telah mengatur rangka kerja yang melibatkan anggota, kenderaan dan jentera bagi memastikan operasi kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam dapat dilaksanakan dengan lancar. Sejumlah 37 kenderaan lori kompaktor dan lori tipper terbuka dengan anggota seramai 365 orang akan bertugas pada Hari Raya pertama, manakala pada Hari Raya kedua pula seramai 1,004 anggota dan sejumlah 172 lori kompaktor dan lori tipper terbuka akan bertugas pada hari tersebut,” kata Pengurus Wilayah Melaka dan Negeri Sembilan, Dr Al’Ashari Bin Haji Othman.

Tambah beliau lagi, pihak operasi juga turut mengenal pasti lokasi-lokasi yang memerlukan perhatian untuk kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam terutamanya di pasar-pasar awam (32), pusat membeli-belah atau pasaraya (48), lokasi tong pusat (66), rumah pangsa (38), kem tentera (13) dan juga pantai dan lokasi tumpuan pengunjung (11).

Pihak syarikat menjalankan operasi kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam seperti biasa di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan dan mengambil berat akan keselamatan para pekerja di lapangan dengan memastikan pekerja yang bertugas untuk sentiasa menggunakan alat keselamatan diri (PPE) yang lengkap seperti sarung tangan dan penutup hidung dan mulut, menggunakan pembersih tangan dan menjaga kebersihan diri sepanjang masa bagi mengelakkan jangkitan wabak COVID-19.

Pada tahun ini pihak kerajaan telah mewartakan halangan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi peniaga-peniaga bazar Ramadan, bazar Raya dan juga penjualan gerai bagi sambutan mantai di Negeri Sembilan bagi mengelakkan orang ramai berkumpul serta mengawal penyebaran wabak COVID-19. Justeru itu, pihak syarikat hanya meneruskan operasi di kawasan kediaman, pusat komersil dan juga lokasi tumpuan pengunjung.

Memandangkan tempoh PKPB masih lagi berlangsung berikutan pencegahan penyebaran wabak COVID-19, orang ramai diminta untuk menjaga kebersihan dengan menguruskan sisa secara lebih berhemah. Alat keselamatan diri seperti topeng mulut dan hidung serta sarung tangan yang telah digunakan perlu dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan. Sisa isi rumah perlu dimasukkan ke dalam beg plastik, diikat kemas dan dibuang ke dalam tong sampah beroda yang disediakan oleh pihak SWM Environment di premis masing-masing.

Orang awam yang mempunyai sebarang pertanyaan diminta menghubungi SWM Environment melalui Talian Indahkan Malaysia 1-800-88-7472 dan aplikasi WhatsApp SWM di 012 618 0082 serta melalui emel swmresponz@swmsb.com yang akan beroperasi seperti biasa semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri.

TAMAT.

FAKTA

SWM ENVIRONMENT SDN. BHD.

SWM Environment Sdn. Bhd. (**SWM Environment**) telah dilantik pada tahun 1995 di bawah perjanjian konsesi yang dikawal di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam Negara 2007, untuk bertanggungjawab terhadap pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Sebagai syarikat konsesi terbesar di Malaysia, SWM Environment, melalui tenaga kerja yang seramai 12,000 orang, berkhidmat kepada 27 pihak berkuasa tempatan, 1.5 juta premis kediaman dan komersial dengan lebih daripada 5.1 juta orang bagi liputan geografi 28,500 kilometer persegi. Untuk maklumat korporat yang lebih lanjut, sila layari laman web: www.swmenvironment.com.

Dalam usaha mengurangkan sisa janaan ke tapak pelupusan sampah, SWM Environment secara giat mempromosikan program-program alam sekitar yang berimpak tinggi seperti Pengasingan Sisa Di Punca (SAS), kitar semula dan pengomposan sisa makanan demi meningkatkan kesedaran awam di kalangan masyarakat umum.

Pada 2018, SWM Environment telah memperkenalkan program kitar semula berganjarannya, KITAREcycle, di ketiga-tiga negeri selatan Semenanjung Malaysia. KITAREcycle menggalakkan orang ramai untuk mengitar semula dan terima mata ganjaran untuk lebih daripada 30 jenis barangan kitar semula yang termasuk kertas, tin aluminium, plastik, sisa elektrik dan elektronik. Mata ganjaran yang terkumpul boleh ditebus secara tunai melalui perbankan dalam talian. Orang ramai boleh memuat turun aplikasi KITAREcycle melalui *Google Play*. Sila layari laman web: www.kitarecycle.com untuk mendapatkan maklumat lanjut.



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :

Puan Nurul Liza Binti Mohd Najib

Penolong Pengurus, Jabatan Komunikasi Korporat & Hal Ehwal Kerajaan

SWM Environment Sdn. Bhd.

(Tel) 06-6014280/ 012-684 7168

(Emel) nurulliza.najib@swmsb.com